

Headline **Destinasi akhir Singgah Sahur**
Date **18 Sep 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Rap**
Journalist **ELRAFAEI SAPI**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **R2**
Article Size **537 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **11,546**
PRValue **34,638**



Destinasi akhir Singgah Sahur



SUMBANGAN...Nurul Aini (kanan) turut menyampaikan sumbangan kepada anak arwah Abdul Karim di Dusun Tua, Hulu Langat baru-baru ini.

>>Oleh Elrafaei Sapi

ahmadelrafaei@hmetro.com.my

JIKA sebelum ini, Jejak Rasul cukup sinonim dengan penonton apabila disiarkan sepanjang Ramadan, kini Singgah Sahur meneruskan usaha TV3 menghidangkan program sesuai dengan bulan mulia ini.

Singgah Sahur memasuki edisi kelima tahun ini dan mencipta keistimewaan tersendiri pada paparan kandungan yang disajikan kepada penonton.

Menariknya, program ini menemui penonton di pelbagai lokasi berbeza untuk mengajak bersahur dan tidak ketinggalan memberi sumbangan.

Untuk Ramadan kali ini, program ini berpeluang menjelajah ke beberapa negeri bermula di Perak, Johor, Kelantan, Pahang hingga Sabah.

Namun, semakin Ramadan hampir ke penghujung, program ini juga sampai ke kemuncak apabila pada 15 September lalu, memberi

fokus pada tiga lokasi berbeza di sekitar Lembah Klang dan Selangor.

Dalam rakaman episod istimewa ini, program ini berkunjung ke tiga destinasi serentak iaitu melawat satu keluarga mangsa kemalangan jalan raya di Dusun Tua, Hulu Langat diikuti Rumah Sinar Salam, Chow Kit dan Asrama Tahfiz Az-Zahrah, Kuang, Selangor.

Ketika melawat keluarga mangsa kemalangan, arwah Abdul Karim Abdul Aziz yang meninggal dunia pada 30 Ogos lalu ketika dalam perjalanan membeli persiapan Aidilfitri, kru program ini yang diketuai Pengurus Besar Kumpulan Pengurusan Jenama TV3, Nurul Aini Abu Bakar berkesempatan berkongsi kesedihan yang dialami balu, Maimun Said bersama 10 anak. Maimun masih mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) manakala anaknya dijaga nenek.

Bagi destinasi persinggahan di Rumah Perlindungan Sinar Salam, kru program turut meluangkan masa bermesra dengan penghuni di sini yang termasuk kanak-kanak terbiar.

Begitu juga, program ini menceriakan hampir 100 pelajar tahfiz di Asrama Tahfiz Az-Zahrah yang berpeluang bersahur bersama. Tambah bermakna, pelajar ini menerima kunjungan Ketua Gerakan Pemuda Umno Selayang, Datuk Sohaimi Shadan yang sempat menyampaikan sumbangan.

Untuk dua destinasi sebelum ini, sumbangan

disampaikan Nurul Aini.

Memberi keistimewaan pada kemuncak program ini, ia diadakan di KL Sentral, Kuala Lumpur bermula jam 12.30 tengah malam ini. Berbeza dengan episod sebelumnya, program ini disiarkan secara langsung di TV3 selama sejam.

Pada episod ini, ketiga-tiga destinasi yang dirakam sebelum ini disiarkan.

Empat pengacara iaitu Ally Iskandar Mohd Mardzi, Teh Suhaida Mat Sharip, Siti Hasfizza Aswaty Sab Jahan (Fizza) dan Nurul Syuhada Nurul Ain bertanggungjawab mengendalikan program ini.

Hadir sama, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Rangkaian Televisyen Media Prima Bhd, Datuk Seri Farid Ridzuan dan Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif, LG Electronics Sdn Bhd, T Y Ko selaku penaja program ini.

Dalam episod kali ini, tetamu kehormat akan bertemu dengan sebilangan penumpang yang menaiki bas pulang menyambut Aidilfitri ke destinasi Pantai Timur seperti Kota Bharu dan Kuala Terengganu.

Teh, 30, berkata pengalaman yang diraih ketika menjayakan program ini cukup menyeronokkan dan turut meninggalkan kenangan manis. Katanya, antara tiga destinasi terakhir yang dikunjungi, perasaannya lebih tersentuh ketika bertemu penghuni di Rumah Sinar Salam.

Headline **Destinasi akhir Singgah Sahur**
Date **18 Sep 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Rap**
Journalist **ELRAFAEI SAPI**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **R2**
Article Size **537 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **11,546**
PRValue **34,638**

“Setiap kali kru program ini berkunjung ke pelbagai destinasi berbeza, sambutan yang diberikan sama ada mereka yang diraikan mahupun masyarakat sekeliling begitu meriah. Mereka juga sebenarnya bersemangat untuk menjayakan program ini.

“Selalunya kru program ini memulakan kembara jam 11 malam, tetapi ada

antara mereka yang sudah bersedia sejam awal untuk menyambut kehadiran kami. Daripada aspek produksi, perancangan memilih destinasi program ini bermula sebulan sebelum Ramadan.

“Namun, ada beberapa destinasi yang ditukar kerana pertukaran alamat individu yang ingin diraikan. Untuk tiga destinasi terakhir kali ini, perasaan

saya paling tersentuh bila bertemu seorang ibu yang juga pembawa HIV positif kelihatan sangat kurus ibarat menghitung hari untuk meninggal dunia.

“Bagaimanapun, rakan lain yang menghuni bersamanya tetap berikan semangat padanya meneruskan hidup. Biar pun saya belum pernah menjadi ibu tetapi sebagai wanita, saya juga memikir-

kan masa depan anaknya selepas dia tiada.

“Pada saya, program ini sangat berjaya hingga rating meningkat sebanyak 1.5 juta penonton. Rakan-rakan termasuk penonton turut memberikan respons positif dan saya berharap program ini diteruskan dengan mengekalkan konsep kembara yang menarik perhatian ramai,” katanya.



PRIHATIN...Ally (kiri) menyampaikan sumbangan Singgah Sahur kepada wakil Asrama Tahfiz Az-Zahrah, Agei Awang di Kuang, Selangor baru-baru ini.